



POLISI BERURUSAN DENGAN PIHAK KETIGA

KANDUNGAN

1. PENDAHULUAN	3
2. TUJUAN	3
3. PEMAKAIAN	3
4. PERATURAN AM	3
5. BERURUSAN DENGAN PENJAWAT AWAM.....	4
6. KAKITANGAN IWK SEBAGAI PENJAWAT AWAM.....	4
7. USAHA WAJAR	5
8. PEMATUHAN.....	5
9. PERTANYAAN DAN PELAPORAN	5
10. PENUTUP	6

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Polisi Berurusan Dengan Pihak Ketiga (“Polisi”) melibatkan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (“IWK”) dan digunapakai untuk semua kakitangan IWK, tanpa pengecualian. Ini termasuk Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Ketua-ketua Jabatan dan semua kakitangan yang bekerja dengan IWK dan syarikat-syarikat gabungan dan ahli-ahli lembaga pengarah (secara keseluruhan, “Pekerja”).
- 1.2 Dokumen ini perlu dibaca bersama Polisi Tatalaku (“Kod”) dan polisi-polisi lain berkaitan integriti yang telah diluluskan oleh Pengurusan.

2. TUJUAN

Polisi ini diwujudkan untuk memberi panduan dalam memulakan atau memantau perhubungan dengan pihak ketiga serta menguruskan risiko rasuah dan sogokan berkaitan dengan urusan perniagaan.

3. PEMAKAIAN

Polisi ini digunapakai untuk semua kakitangan IWK. Polisi ini juga hendaklah dijadikan panduan oleh Pemimpin Kerajaan, Individu Berpengaruh, rakan niaga / pemegang taruh ataupun mana-mana individu / organisasi yang berurusan dengan warga / fasiliti IWK.

4. PERATURAN AM

- 4.1 IWK mengharapkan semua pihak yang bertindak mewakilinya atau bagi pihaknya untuk berkongsi nilai dan etika Syarikat kerana tindakan mereka boleh memberi kesan kepada IWK secara undang-undang dan mencemarkan reputasi IWK.
- 4.2 Urusan IWK bersama pihak ketiga, yang termasuk rakan niaganya, perantara kerajaan, pengenal dll, harus dijalankan dengan pematuhan kepada semua undang-undang berkaitan dan harus konsisten dengan

nilai-nilai dan prinsip-prinsip Polisi Tatalaku Kakitangan dan Pembekal. Sebagai sebahagian daripada komitmen ini, semua bentuk rasuah dan sogokan tidak akan dilayan dan tidak akan diterima.

- 4.3 Semasa berurusan dengan pihak-pihak ketiga, usaha wajar yang bersesuaian perlu dijalankan untuk memahami perniagaan dan latar belakang pihak ketiga sebelum menjalankan sebarang persediaan bagi memastikan mereka mengikuti tahap integriti yang boleh diterima dalam menjalankan perniagaan mereka.

5. BERURUSAN DENGAN PENJAWAT AWAM

'Penjawat awam atau kerajaan' merangkumi, tanpa had kepada, calon-calon untuk pejabat awam, penjawat daripada mana-mana parti politik dan pegawai daripada perusahaan milik negeri, selain daripada IWK. Pemberian hadiah, hiburan atau layanan baik kepada penjawat awam atau ahli keluarga mereka adalah dianggap situasi 'bendera merah'. Sekiranya, kakitangan IWK telah mendapat kelulusan untuk menyediakan hadiah, hiburan atau layanan mesra kepada penjawat awam, kakitangan IWK tersebut perlu memastikan hadiah, hiburan atau layanan berkenaan tidak berlebihan atau mewah, dan haruslah setimpal dengan jawatan penjawat awam tersebut, dan bukan ataskapasiti peribadi. Kakitangan IWK juga perlu tahu akan undang-undang tempatan yang mentadbir aktiviti berkaitan dan juga untuk memastikan pematuhannya.

6. KAKITANGAN IWK SEBAGAI PENJAWAT AWAM

Di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ("Akta SPRM 2009"), kakitangan IWK boleh dianggap sebagai penjawat awam kerana IWK adalah sebuah syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan di mana Kerajaan mempunyai hak dan kuasa kawalan secara langsung atau tidak langsung terhadap IWK. Untuk mengelakkan pelanggaran undang-undang dan menekankan komitmen kami kepada perlakuan beretika, kakitangan IWK harus sentiasa mematuhi polisi dan peraturan IWK berkaitan dengan pemberian hadiah, hiburan dan layanan mesra. Kakitangan IWK dilarang untuk menerima hadiah, hiburan

dan layanan mesra yang melebihi dan, mewah, tidak sesuai, haram atau bertujuan untuk mempengaruhi keputusan perniagaan atau dengan pemahaman bahawa, sebagai balasan, diharapkan akan mendapat beberapa hasil yang diinginkan.

7. USAHA WAJAR

- 7.1 Prinsip utama dalam berurusan dengan rakan niaga adalah “percaya tetapi perlu disahkan”.
- 7.2 Prosedur usaha wajar yang betul membolehkan IWK membuat susulan kepada komitmennya untuk bertindak secara berintegriti dengan melindungi daripada bekerjasama dengan syarikat-syarikat atau individu-individu yang tidak beroperasi berdasarkan kepada prinsip-prinsip beretika. Prosedur ini juga akan mengurangkan risiko reputasi dan perundangan yang timbul daripada undang-undang pencegahan rasuah, termasuk Akta SPRM 2009, dengan menyiasat kedudukan etika masa lalu dan semasa untuk rakan niaga yang berpotensi.
- 7.3 Secara amnya, menguruskan risiko yang terbabit dengan urusan dan hubungan bersama pihak ketiga boleh dicapai menerusi (i) menilai risiko pihak ketiga, (ii) mengikat pihak ketiga dengan piawaian perniagaan IWK, dan (iii) memantau pematuhan pihak ketiga dengan piawaian perniagaan IWK.

8. PEMATUHAN

Kegagalan atau keengganan kakitangan IWK untuk mematuhi Polisi ini boleh dianggap rosak dan tertakluk kepada tindakan tatatertib di bawah Polisi Tatalaku IWK.

9. PERTANYAAN DAN PELAPORAN

Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap Polisi ini boleh

dikemukakan melalui saluran berikut:

Saluran Pendedahan Maklumat IWK (Whistle Blowing Channel)

- i) Telefon : 03-2780 1295
- ii) Emel : whistle@iwk.com.my
- iii) Hantar Borang Pemberi Maklumat kepada Ketua Unit Integriti & Governans
- iv) Hantar Borang Pemberi Maklumat melalui <https://www.iwk.com.my> atau IWK Mobile App
- v) Hadir dan Bertemu di :
Unit Integriti & Governans
Indah Water Konsortium Sdn Bhd
No. 1, Jalan Damansara
60000 Kuala Lumpur

10. PENUTUP

Kakitangan yang mempunyai maklumat mengenai kemungkinan perlakuan yang tidak mematuhi peraturan IWK, kakitangannya, atau mana-mana pihak ketiga yang IWK berurusan atau dijangka menjalankan perniagaan, harus melaporkan situasi ini mengikut arahan yang diberikan di dalam Kod.

IGU dibenarkan untuk membuat garis panduan bersesuaian bagi maksud baik pengurusan polisi ini.